

15/05/2003

Umno, BN tetap relevan kepada kehidupan rakyat

PADA 11 Mei lalu, Umno merayakan ulang tahun penubuhannya yang ke-57. Kelahiran Umno mencatat sejarah kerana ia menyedarkan bangsa Melayu daripada tidur nyenyak mereka selama lebih 400 tahun. Bukan sebagaimana nyenyaknya Ashabul Kahfi yang lari ke gua kerana menyelamatkan iman, tetapi nyenyak sebuah bangsa yang dijajah kerana kekalahan sehingga terbelenggu dalam gua kejahilan dan kemunduran selama lebih empat abad.

Penubuhan Umno bukan sekadar kemunculan sebuah parti politik, malah kebangkitan satu bangsa yang menuntut kebebasannya, yang ingin menentukan

sendiri nasibnya tanpa dibelenggu oleh orang lain.

Susunan struktur sosial dan kependudukan masyarakat Tanah Melayu walaupun berubah angkara dasar pecah dan perintah yang diterapkan penjajah, biarlah orang Melayu sendiri yang menguruskan masyarakat majmuk

itu. Orang putih tidak perlu menjadi pengimbang dan membuat ugutan; sekiranya orang putih keluar dari Tanah Melayu, huru-hara akan berlaku.

Dengan kerjasama kaum di Tanah Melayu, orang Melayu boleh mengurus sendiri masyarakat majmuk di negara ini. Tetapi seperti kata Tunku Abdul Rahman: "Negara ini dirampas daripada tangan orang Melayu dan hendaklah dipulangkan semula ke tangan orang Melayu."

Jasa Umno begitu besar kepada bangsa Melayu. Kemerdekaan diserahkan kepada Umno sebagai wakil orang Melayu. Presiden Umno yang mengisytiharkan

kemerdekaan itu. Presiden Umno juga yang mencadangkan penubuhan Perikatan

(sekarang Barisan Nasional) dan menjalin kerjasama di antara kaum dengan cara tersendiri. Pemimpin Umno yang memperkenalkan konsep perkongsian kuasa unik, dengan hak pribumi dipelihara dan keadilan ditegakkan untuk semua.

Persefahaman di antara kaum menjadi tonggak kestabilan politik. Kestabilan politik menjamin keamanan dengan terhindarnya pergeseran dan perkelahian di antara kaum. Sedangkan, keamanan itu sendiri syarat utama bagi melancarkan usaha membangunkan negara yang ditinggalkan penjajah dalam keadaan serba mundur.

Banyak negara dunia ketiga tidak berjaya membangun kerana tiada kestabilan politik dan gagal menjalin kerjasama serta persefahaman di antara kaum. Satu kaum ingin membolot semua kuasa di tangannya. Begitu juga dengan kaum lain. Negara musnah kerana dilanda perang saudara.

Selama lebih setengah abad Umno menerajui kepemimpinan - bukan saja memimpin bangsa Melayu, malah semua bangsa di Malaysia melalui BN.

Konsep perkongsian kuasa diungkap dengan penuh bijaksana, di mana hak orang Melayu dipelihara dan keadilan dijamin untuk semua. Kaedah ini dijelmakan dalam sistem bernegara masyarakat Malaysia. Sistem beraja dipertahankan dan kedudukan agama Islam didaulatkan sebagai agama rasmi negara. Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi dan orang Melayu mempunyai hak

khusus atau istimewa sebagai bangsa pribumi.

Hak orang Melayu ini, walaupun dipelihara dalam sistem bernegara,

keadilan yang menjadi hak kaum lain tidak diabaikan. Sebagai rakyat, mereka mempunyai hak sama. Orang Melayu mengakui mereka sebagai rakyat di negara ini.

Mereka bebas berpolitik, berniaga, mengembangkan bakat dan kebolehan mereka serta memilih dan dipilih sebagai wakil rakyat. Mereka berhak mendapat pendidikan di sekolah yang dipilih oleh ibu bapa mereka. Bahasa ibunda mereka kekal sebagai budaya hidup mereka. Demikian juga dengan adat-istiadat mereka. Malah, mereka bebas beragama mengikut kepercayaan masing-masing.

Sistem bernegara rakyat Malaysia, seperti sekarang, bukan berlaku dengan sendirinya. Ia diusaha dan diperjuangkan oleh Umno dan parti komponen BN lain. Pertama, mereka menerima dan meyakini sistem itu. Kedua, mereka memperjuangkan supaya diterima oleh semua kaum di Malaysia.

Kini sistem bernegara yang diperjuangkan oleh Umno turut diterima oleh Pas yang dulunya menolak konsep perkongsian kuasa. Pas mahu menjadikan negara ini negara Melayu. Orang Cina dan India tidak diterima sebagai warganegara. Pas memperjuangkan monopoli kuasa di tangan orang Melayu saja.

Pas berpegang kepada pendirian politik ekstrem. Tetapi selepas pegangan politik ini ditinggalkan oleh Pas, konsep perkongsian kuasa diterima oleh Pas dengan sikap yang lebih ekstrem. Penerimaan itu sampai ke tahap untuk menghapuskan hak istimewa orang Melayu, iaitu pendirian ekstrem selari dengan DAP.

Pas, walaupun akur dengan keberkesanan konsep perkongsian kuasa, sikap ekstremnya tetap tidak berubah. Pas menjalin hubungan dengan DAP yang jelas menolak hak istimewa orang Melayu. Pas yang dulunya tebal dengan sikap keMelayuannya bertukar menjadi anti-Melayu.

Perjuangan mempertahankan hak orang Melayu dianggap assabiyah. Pas menukar sikap politiknya daripada pendirian ekstrem pro-Melayu kepada pendirian ekstrem anti-Melayu.

Pendirian ekstrem pro-Melayu yang didukung oleh Pas ditolak oleh orang Melayu dan pendirian ekstrem anti-Melayu yang didukung oleh DAP ditolak oleh orang bukan Melayu. Sikap eskترم tidak relevan dengan masyarakat majmuk. Pas, walaupun bertukar pendirian politiknya kepada anti-Melayu, orang Cina dan India tetap menolaknya sebagaimana mereka menolak DAP.

Hanya pendirian politik sederhana yang relevan dengan keadaan dan suasana politik di Malaysia. Justeru, orang yang mengatakan bahawa Umno dan BN tidak relevan lagi, sebenarnya tidak memahami perasaan dan pendirian rakyat Malaysia yang menolak ekstremisme.

Perjuangan Umno menegakkan sistem negara yang berasaskan konsep perkongsian kuasa dalam bentuknya yang unik dan didukung oleh pendirian yang sederhana, tetap relevan dengan kehidupan dan perjuangan masa depan rakyat Malaysia. Justeru, ia akan terus mendapat sokongan rakyat yang inginkan keamanan, kesejahteraan dan kestabilan politik dan sosial.

Ada ketikanya rakyat kecewa dengan Umno. Sebagai manusia, pemimpin Umno melakukan kesilapan yang menimbulkan kemarahan rakyat. Tetapi kemarahan itu tidak sampai ke peringkat menjatuhkan Umno. Ini kerana sikap sederhana

dan sistem kenegaraan yang didukung oleh Umno, tetap relevan dengan kewujudan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengorak langkah ke arah kejayaan.

Boleh dikatakan bahawa keputusan pilihan raya umum 1999 adalah fenomena sementara. Kesilapan dalam beberapa tingkah laku pemimpin Umno dan langkah pembetulan yang diambil tidak menyenangkan ahli dan penyokong Umno sendiri.

Sebahagian mereka yang marah, menentang Umno. Tetapi kemarahan seperti itu kian reda sekarang. Kemarahan terhadap Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga menurun dengan banyaknya selepas menyedari tindakannya untuk kepentingan perjuangan Umno dan negara.

Rakyat berfikiran waras tentu tidak mudah menggugurkan sokongan terhadap sistem politik yang ternyata berkesan untuk digantikan dengan sistem yang belum diketahui apakah bentuknya dan sama ada ia berkesan atau tidak.

Orang Islam yang waras tentu tidak mudah untuk menggugurkan sokongan terhadap sistem yang banyak berjasa kepada mereka untuk suatu sistem Islam tidak jelas yang diperkenalkan kepada mereka hanya menerusi slogan tanpa isi dan pengertian.

Hanya apabila rakyat hilang kewarasan kerana dipengaruhi oleh kebencian, mereka akan memilih yang kabur dan menolak yang jelas dan terang serta mempercayai janji kosong dan menolak jasa yang tersedia di hadapan mata. Hanya orang yang dipengaruhi angan-angan yang akan mencurahkan air di tempayan apabila mendengar guruh di langit.

Selagi tidak ada sistem alternatif lebih baik daripada yang diamalkan oleh Umno bersama rakannya dalam BN, selagi itulah Umno dan BN tetap relevan dengan kehidupan rakyat Malaysia. Tetapi harapan untuk mewujudkan sistem alternatif itu tidak pernah memancarkan sinarnya. Tiada formula lebih berkesan yang dapat dikemukakan oleh pembangkang bagi menggantikan formula BN.

Persetujuan mantap dalam konsep perkongsian kuasa yang menjadi asas kerjasama parti dalam BN belum pernah tercapai dalam barisan pembangkang. Mereka belum dapat mencapai kata sepakat dalam pelbagai isu yang menjadi asas kepada kerjasama itu.

Justeru, tidak ada alternatif kepada BN. Umno dan BN masih terus relevan untuk memimpin Malaysia. Dirgahayu Umno.